

# PROGRAM RAMAH MESRA DENGAN PENDUDUK KAMPUNG PADANG BEREMPAH, SIPITANG



Kelab Kakitangan Sosial & Rekreasi SPE bersama Kelab Kewangan & Perbankan(BAFIN) telah bergabung tenaga merancang program Ramah Mesra dengan penduduk-penduduk Kampung Padang Berempah, Sipitang, Sabah pada 3 Ogos 2008. Pelbagai aktiviti telah di atur bagi memeriahkan program tersebut yang di sertai kira-kira 100 orang terdiri dari kakitangan dan pelajar-pelajar. Acara yang paling menarik dalam program tersebut ialah memunggut dan memakan durian. Peserta-peserta ternyata teruja melihat berbakul-bakul durian yang disediakan oleh masyarakat kampung bagi meraikan kedatangan warga UMS tersebut. Menurut Pengerusi Kelab Kebajikan SPE, En. Roslee Mohiden, musim durian ternyata memberi pengalaman yang manis kerana dapat merasai suasana dan keseronokan sebenar memunggut durian selain mengeratkan semangat kekeluargaan.